

Kedudukan Malaysia Dalam Kerangka Semi-Periferi

Oleh: Alif Fahmi Zahari

Penafian

Artikel ini merupakan pandangan ringkas oleh penyelidik/penulis untuk menggalakkan percambahan idea serta diskusi berkaitan isu semasa dan perkara-perkara dasar. Ia tidak semestinya mencerminkan pendirian rasmi Lubna Research Center (LUBNA). Segala kekhilafan adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya.

Penulisan ini ditulis dan disediakan oleh Alif Fahmi Zahari, penyelidik di Lubna Research Center.

Penyelidik boleh dihubungi melalui;
work@lubnaresearch.com

Rujukan – Sila rujuk karya ini seperti berikut: Alif Fahmi Zahari. 2025. *Kedudukan Malaysia Dalam Kerangka Semi-Periferi*. Kuala Lumpur. Lubna Research Center (LUBNA).

Maklumat lanjut berkenaan profil, penerbitan dan penulisan **Lubna Research Center (LUBNA)** boleh didapati di laman web rasmi tertera; www.lubnaresearchcenter.com



Pengenalan

Konsep semi-periferi dalam *World-Systems Theory* yang diperkenalkan oleh Immanuel Wallerstein meletakkan negara seperti Malaysia di kedudukan pertengahan antara *core* (teras) dan *periphery* (pinggiran).

Negara *core* ialah kuasa besar yang memiliki teknologi canggih, ekonomi berpendapatan tinggi dan pengaruh politik global yang dominan. Negara *periphery* pula bergantung kepada eksport bahan mentah serta berada di bawah pengaruh ekonomi negara *core*. Malaysia menampilkan ciri-ciri bagi kedua-duanya iaitu ekonomi membangun dengan sektor pembuatan dan perkhidmatan yang pesat, namun masih bergantung pada eksport komoditi seperti kelapa sawit, getah dan petroleum mentah.

Kedudukan Ekonomi dan Geopolitik

Kedudukan strategik Malaysia di Selat Melaka memberi kelebihan geopolitik yang signifikan, menjadikannya salah satu laluan perdagangan antarabangsa paling penting di dunia. Pada tahun 2023, Malaysia mencatat nilai perdagangan RM2.88 trilion, di mana 21% daripadanya bergantung kepada eksport komoditi. Sektor pembuatan menyumbang 24.3% kepada KDNK, tetapi nilai tambahnya masih sederhana kerana majoriti aktiviti tertumpu pada pemasangan (*assembly*) berbanding pengeluaran teknologi asal (*original technology design*).

Dari sudut pelaburan, Malaysia masih bergantung kepada pelaburan langsung asing (FDI) daripada negara *core* seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Korea Selatan. Pada 2022, FDI bernilai RM74.6 bilion, tetapi hampir separuh disalurkan ke sektor berintensiti rendah dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D). Ketergantungan kepada modal dan teknologi luar ini mengekalkan hubungan ekonomi yang bersifat asimetrik, di mana Malaysia menjadi penyokong dalam rantaian bekalan global, bukannya pengarah utama.

Diplomasi dan *Soft Power*

Malaysia mempunyai pengaruh diplomasi serantau yang stabil, terutamanya melalui ASEAN, misi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan keterlibatan dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC). Dalam konteks ASEAN, Malaysia pernah memainkan peranan penting dalam memajukan pelan komuniti politik-sekuriti serta menjadi suara aktif dalam rundingan berhubung isu Laut China Selatan. Dalam misi pengaman PBB, Malaysia telah menyumbang lebih daripada 30,000 anggota tentera dan polis sejak 1960-an, termasuk misi di Lubnan, Sudan dan Namibia.

Sementara dalam isu kemanusiaan, pendirian tegas Malaysia terhadap Palestin memberi kekuatan moral di peringkat antarabangsa, manakala dalam isu Rohingya, Malaysia menjadi antara negara ASEAN yang paling lantang menyuarakan tekanan terhadap Myanmar walaupun terhad oleh prinsip *non-interference* ASEAN. Di peringkat global, Malaysia turut memeterai Perjanjian Paris 2015 mengenai perubahan iklim dengan komitmen mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca sebanyak 45% menjelang 2030. Walau bagaimanapun, pengaruh ini masih bersifat *issue-based* dan belum berkembang menjadi pembentukan norma global yang lebih luas.

Berbanding negara *semi-periphery* lain seperti Turki yang berjaya membina imej sebagai pengantara konflik, atau Brazil yang memanfaatkan kepemimpinan dalam agenda iklim, Malaysia masih beroperasi dalam ruang pengaruh yang terhad. Untuk mengubah keadaan ini, Malaysia perlu mengintegrasikan diplomasi ekonomi, kemanusiaan dan alam sekitar dalam strategi luar negeri yang lebih proaktif serta berterusan.

Ekonomi Dualistik dan *Middle-Income Trap*

Struktur ekonomi Malaysia bersifat dualistik, iaitu satu sisi moden dan berdaya saing, satu sisi tradisional. Industri elektronik, minyak dan gas, serta pembuatan automotif berdaya saing di pasaran antarabangsa, tetapi tahap inovasi domestik masih rendah. Menurut Indeks Inovasi Global 2024, Malaysia berada di tangga ke-38 dunia, jauh di bawah Singapura (ke-7) dan Korea Selatan (ke-10).

Middle-income trap Malaysia dipacu oleh beberapa faktor:

1. Sistem pendidikan yang tidak sejajar dengan keperluan industri berteknologi tinggi menyebabkan jurang kemahiran (*skills gap*) yang menghalang peralihan kepada ekonomi berasaskan inovasi.
2. Kadar *brain drain* yang tinggi dengan lebih 1.7 juta rakyat Malaysia bekerja di luar negara, mengurangkan stok modal insan berkualiti yang diperlukan untuk melonjak ke tahap *core*.
3. Pergantungan kepada GLC yang mendominasi ekosistem ekonomi, sekali gus mengehadkan kebebasan dan daya saing sektor swasta.

Hubungan antara *middle-income trap* dan kedudukan semi-periferi adalah jelas, iaitu tanpa pembaharuan struktur ekonomi dan institusi, Malaysia akan kekal terperangkap dalam peranan sebagai pengeluar kos sederhana dalam rangkaian bekalan global, bergantung pada teknologi dan pasaran negara-negara *core*. Ini menghalang negara daripada membina kuasa inovasi dan pengaruh politik yang diperlukan untuk naik ke status *core*.

Perbandingan dengan Jepun dan Singapura

Pengalaman Jepun dan Singapura membuktikan bahawa negara semi-periferi boleh beralih ke status *core* melalui kombinasi strategi pembangunan ekonomi berorientasikan eksport, inovasi teknologi, integriti institusi dan diplomasi proaktif. Giovanni Arrighi (1994) dalam *The Long Twentieth Century* menegaskan bahawa Jepun merupakan antara negara Asia pertama yang berjaya menembusi kelompok *core* abad ke-20 hasil transformasi perindustrian pesat pasca Perang Dunia Kedua serta integrasi dalam sistem perdagangan global. Jepun kini menjadi kuasa ekonomi maju dengan pengaruh teknologi, budaya dan diplomasi yang meluas.

Singapura pula sering disebut sebagai *core-contender* dalam kajian sistem dunia (Meyer, 2015) kerana peranannya sebagai hab kewangan global, pusat perdagangan dan pemimpin dalam inovasi bandar pintar. Walaupun saiz geografinya kecil, Singapura memiliki tahap pembangunan teknologi, modal insan dan pengaruh diplomasi yang setara dengan negara *core* lain. Kedudukannya dalam Indeks Daya Saing Global dan Indeks Inovasi Global telah membuktikan pencapaian tersebut.

Prospek dan Strategi Meningkatkan ke Tahap Core

Untuk keluar daripada semi-periferi, Malaysia memerlukan strategi menyeluruh yang merangkumi dimensi domestik dan antarabangsa. Pelaburan besar dalam R&D dan inovasi teknologi tempatan perlu menjadi teras pembangunan yang disokong oleh reformasi pendidikan yang melahirkan modal insan berkemahiran tinggi. Sektor swasta harus diperkasa melalui pengurangan campur tangan politik, meningkatkan kebebasan pasaran dan merangsang persaingan.

Beberapa kajian meletakkan Malaysia sebagai *middle power* serantau dengan potensi meningkatkan pengaruh global sekiranya mampu memanfaatkan kekuatan geografi, kestabilan politik relatif dan ekonomi yang pelbagai. Michael Wesley (2008) menekankan bahawa *middle power diplomacy* memerlukan penglibatan aktif dalam pembentukan norma antarabangsa, bukan sekadar reaksi kepada agenda negara *core*. Ini bermaksud negara *middle power* juga perlu menjadi negara yang proaktif dalam menentukan arah dan peraturan dunia, bukan hanya menunggu arahan atau keputusan daripada negara kuasa besar.

Dari sudut global, Malaysia boleh memanfaatkan peralihan geopolitik seperti ketegangan AS-China, di mana negara memposisikan diri sebagai hab neutral untuk pelaburan dan perdagangan. Selain itu, trend ekonomi dunia seperti peralihan kepada tenaga hijau membuka peluang Malaysia menjadi peneraju dalam teknologi tenaga solar dan biofuel. Di pentas diplomasi, Malaysia boleh memimpin rangkaian negara *middle power* dalam isu perubahan iklim, keselamatan maritim dan transformasi digital global.

Contoh seperti Korea Selatan dan Singapura membuktikan bahawa negara semi-periferi boleh mencapai status *core* melalui inovasi, integriti institusi dan pengaruh global. Malaysia memiliki asas kukuh dari segi lokasi strategik, sumber semula jadi dan ekonomi yang pelbagai tetapi memerlukan visi jangka panjang dan keberanian politik untuk memanfaatkan sepenuhnya kelebihan ini.

Kesimpulan

Kedudukan Malaysia sebagai negara *semi-periferi* menawarkan peluang dan cabaran. Tanpa transformasi struktur ekonomi, pembaharuan pendidikan dan strategi diplomasi proaktif, negara berisiko kekal terperangkap dalam *middle-income trap* untuk tempoh yang panjang. Namun, dengan gabungan reformasi domestik dan manuver strategik di pentas global, Malaysia boleh meningkatkan statusnya menjadi *core state* serta berperanan dalam membentuk norma global abad ke-21.

Rujukan:

Daniel & Thomas. 1982. *World-System Theory*.

Giovanni Arrighi. 1994. *The Long Twentieth Century*.

MATRADE. 2024. Prestasi Perdagangan Malaysia Januari-Disember 2024.

Michael Wesley. 2008. *The State of the Art on the Art of state building*.

Meyer. 2015. *The world cities of Hong Kong and Singapore: Network hubs of global finance*.